

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

3. Apakah hasil kajian TIA yang dibuat di Jalan Bukit Tambun oleh pihak swasta dan cadangan penyelesaiannya?
 - (a) Apakah status pengambilan tanah di Jalan Paboi oleh Penang Decelopment Corporation (PDC) dan cadangan persimpangan bertingkat?
 - (b) Siapakah yang akan melaksanakan cadangan penaiktarafan Jalan Bukit Tambun dan jumlah kos pembinaan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Berdasarkan laporan kajian TIA yang dilaksanakan oleh pihak swasta bagi kawasan Jalan Bukit Tambun yang dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), terdapat beberapa cadangan penyelesaian aliran trafik seperti berikut:
 - i. Pelebaran Jalan Bukit Tambun dari empat (4) lorong kepada enam (6) lorong;
 - ii. *Dedicated u-turn (at grade/elevated)* di persimpangan Jalan Bukit Tambun dengan Jalan Perindustrian Bukit Minyak dari arah Batu Kawan;
 - iii. Pembinaan *trumpet interchange* bagi laluan keluar masuk baru ke/dari Bandar Cassia melalui Lebuhraya PLUS arah selatan;

- iv. Laluan masuk sahaja ke arah utara di Plaza Tol Bukit Tambun (U);
 - v. Laluan keluar sahaja dari arah utara di Plaza Tol Bukit Tambun (S);
 - vi. Persimpangan left-in left-out di Jalan Kasawari 1 dengan Jalan Bukit Tambun; dan
 - vii. Laluan belokan kanan sahaja dari arah Simpang Ampat ke Jalan Kasawari.
- a) Status pengambilan tanah di Jalan Paboi adalah masih dalam Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 yang akan luput pada 31 Julai 2020. Sementara permohonan persimpangan bertingkat masih di peringkat pertimbangan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Justeru itu, PDC hanya akan melaksanakan pembangunan persimpangan bertingkat ini setelah peruntukan tersebut diperolehi.
 - b) Cadangan penaiktarafan Jalan Bukit Tambun akan dilaksanakan oleh pihak JKR. JKR telah menyenaraikan dua (2) projek menaiktaraf Jalan Bukit Tambun (FT149) kepada Kementerian Kerja Raya dalam permohonan peruntukan RMK-12 berjumlah RM107.1 juta seperti berikut:
 - i. Cadangan Pelebaran Jalan dan Persimpangan Laluan Persekutuan FT149 dari Persimpangan Jalan Kendi sehingga Persimpangan Tol Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan (RM38.8 juta); dan
 - ii. Cadangan Pelebaran Jalan dan Persimpangan Laluan Persekutuan FT149 dari Persimpangan FT001 sehingga Persimpangan Jalan Kendi, Seberang Perai Selatan (RM68.3 juta).